

LAPORAN 2022

UNIT REPOSITORI & DOKUMEN DIGITAL | URD

SEKSYEN KOLEKSI KHAS & REPOSITORI | BAHAGIAN ILMU PENGETAHUAN INSTITUSI
PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH | UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
JOHOR BAHRU, JOHOR

MUKASURAT KANDUNGAN

1 – 3

1.0 UNIT REPOSITORI & DOKUMEN DIGITAL

pengenalan | objektif | staf | carta unit

4 - 12

2.0 SISTEM PENGURUSAN DOKUMEN

DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM / DMS

pencapaian kumulatif | pencapaian tahun semasa
capaian kepada sistem DMS

13 – 21

3.0 REPOSITORI INSTITUSI - UTM

UTM – INSTITUTIONAL RESPOSITORY/ UTM-IR

pencapaian kumulatif | pencapaian tahun semasa
capaian kepada sistem UTM-IR | ranking web of
repositories

22 – 26

4.0 PENGURUSAN DATA PENYELIDIKAN - UTM

UTM – RESEARCH DATA MANAGEMENT/ UTM-RDM

27 – 42

5.0 PROJEK 2022

pkp : bekerja dari rumah (bdr) | mycite : myjurnal
pelupusan mesin pengimbas | program sangkutan &
latihan industri | program lawatan ilmiah

43 - 65

6.0 AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

deko raya | dekorasi merdeka | bengkel & taklimat | eksa



SENARAI RAJAH

3

1.0 UNIT REPOSITORI & DOKUMEN DIGITAL RAJAH 1

carta unit repositori & dokumen digital

7

2.0 SISTEM PENGURUSAN DOKUMEN RAJAH 2.1.1

jumlah bahan mengikut laman repositori

7

RAJAH 2.1.2

jumlah kumulatif pendepositan bahan bagi tempoh 5 tahun terkini

8

RAJAH 2.2.1

jumlah pendepositan bahan bagi tempoh 5 tahun terkini

9

RAJAH 2.2.2

jumlah pendepositan bahan mengikut laman repositori

9

RAJAH 2.2.3

jumlah pendepositan bahan mengikut jenis bahan

10

RAJAH 2.2.4

jumlah pendepositan bahan mengikut laman repositori

11

RAJAH 2.2.5

jumlah pendepositan bahan mengikut jenis bahan

12

RAJAH 2.2.6

jumlah capaian kepada sistem DMS mengikut atribut



15	3.0 REPOSITORI INSTITUSI - UTM RAJAH 3.1 jumlah kumulatif pendepositan bahan UTM-IR bagi tempoh 5 tahun
16	RAJAH 3.2A jumlah kumulatif pendepositan bahan UTM-IR bagi tempoh 5 tahun
17	RAJAH 3.2B jumlah semakan dan pendepositan bahan mengikut jenis bahan
18	RAJAH 3.2C jumlah kumulatif pendepositan bahan di sistem UTM-IR
18	RAJAH 3.2D pecahan jumlah pengguna sistem UTM-IR
19	RAJAH 3.3 jumlah <i>download</i> dan <i>pageviews</i> sistem UTM-IR bagi tempoh 5 tahun
21	RAJAH 3.4 jumlah rekod dan kedudukan peringkat global serta kedudukan 5 terbaik peringkat kebangsaan



UNIT REPOSITORI & DOKUMEN DIGITAL

pengenalan
objektif
staf



1.0 UNIT REPOSITORI & DOKUMEN DIGITAL



1.1 PENGENALAN

Unit Repositori & Dokumen Digital (URD) merupakan penjenamaan semula daripada dua (2) unit terdahulu yang digabungkan hasil daripada penstrukturan semula struktur organisasi Jabatan Perpustakaan UTM berkuatkuasa mulai 1 Jun 2022 (semakan Julai 2022). Penggabungan unit ini masih mengekalkan fungsi dan aktiviti proses kerja yang sama melibatkan Sistem Pengurusan Dokumen (DMS), Institusi Repositori UTM (UTM-IR) serta Pengurusan Data Penyelidikan (RDM).

1.2 OBJEKTIF

1.2.1 Sistem Pengurusan Dokumen (DMS)

- Membangun dan mengurus dokumen Koleksi Khas UTM ke dalam bentuk digital bagi menyokong tujuan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan di dalam perkhidmatan perpustakaan.

1.2.2 Institusi Repositori UTM (UTM-IR)

- Mengenalpasti, mengklas, mendeposit, memantau, menyenggara dan mengemaskini rekod mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh Ranking Web of Repositories serta mengendalikan bengkel UTM-IR.

1.2.3 Pengurusan Data Penyelidikan (RDM)


- Mengurus pengumpulan data penyelidikan UTM dalam bentuk digital bagi menyokong inisiatif platform Sains Terbuka Malaysia.

1.3 STAF

Unit Repositori & Dokumen Digital (URD) dianggotai seramai 8 orang staf yang terdiri daripada pecahan berikut :

- Pustakawan Kanan (S44) – Ketua Unit
- Pembantu Pustakawan Kanan – S22 (4 orang). 1 orang – dipinjamkan ke Unit Pembangunan Koleksi Khas.
- Pembantu Pustakawan – S19 (3 orang)

Carta di bawah menunjukkan perincian agihan staf URD.



Rajah 1 : Carta Unit Repositori & Dokumen Digital

SISTEM PENGURUSAN DOKUMEN

*DOCUMENT
MANAGEMENT SYSTEM /
DMS*

pencapaian kumulatif
pencapaian tahun semasa
capaian kepada sistem DMS



2.0 SISTEM PENGURUSAN DOKUMEN

DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM | DMS




KUMULATIF PENDEPOSITAN
Jumlah keseluruhan rekod bahan yang dideposit oleh staf PUTM sehingga 2022.



PENDEPOSITAN 2022
Jumlah keseluruhan rekod bahan yang dideposit oleh staf PUTM bagi tahun 2022 melibatkan semua laman repositori.



PENDEPOSITAN 2022
Jumlah keseluruhan rekod bahan yang dideposit oleh staf PUTM bagi tahun 2022 kecuali *Online Database & ILL*.



VISITOR / ACCESS
Jumlah keseluruhan *Visitor / Access* sepanjang tahun 2022.



PAGEVIEW / HITS
Jumlah keseluruhan *pageview / hits* sepanjang tahun 2022.

2.1 PENCAPAIAN KUMULATIF

Dalam mengurus data pencapaian aktiviti Sistem Pengurusan Dokumen (DMS), laporan yang disediakan merangkumi pencapaian keseluruhan pendepositan bahan oleh semua staf yang terlibat dengan sistem ini yang terdiri daripada :

- i. Unit Repositori & Dokumen Digital.
- ii. Unit Pengurusan Koleksi Khas.
- iii. Unit Pembangunan Galeri.
- iv. Unit Katalog & Dokumen Digital (PSZKL).


Pendepositan bahan oleh semua Unit yang dinayatakan ini melibatkan laman repositori *Open respository*, *Restricted repository*, *Preserved repository* dan *Online Database & ILL*.

Secara keseluruhan sejumlah 148,802 rekod pelbagai jenis bahan telah berjaya dideposit di antara tahun 2012 hingga 2022. Pecahan kepada jumlah ini menunjukkan peratus sumbangan mengikut laman repository adalah seperti berikut :


- i. *Open respository* : 0.73%
- ii. *Restricted repository* : 96.41%
- iii. *Preserved repository* : 0.13%
- iv. *Online Database & ILL* : 2.73%

Bagi pelaporan 2022, proses penjanaan semula data-data mulai 2012 hingga 2022 telah dilaksanakan semula bagi mendapatkan jumlah yang tepat serta proses semak dan imbang antara jumlah bahan mengikut laman repository dan jumlah bahan mengikut jenis bahan.

Perincian data berjadual adalah merujuk kepada Jadual 2.1.1 hingga 2.1.3 di lampiran jadual.



Rajah 2.1.1 : Jumlah bahan mengikut laman repositori




Rajah 2.1.2 : Jumlah kumulatif pendepositan bahan bagi tempoh 5 tahun terkini

2.2 PENCAPAIAN TAHUN SEMASA

Pencapaian keseluruhan bagi tahun 2022 yang melibatkan keempat-empat laman repositori DMS pula terus menunjukkan penurunan yang agak ketara berbanding tahun sebelumnya.

Secara umum, jumlah pendepositan bahan mengalami penurunan mulai 2018 dan hanya berlaku sedikit peningkatan sahaja pada tahun 2021. Merangkumi keempat-empat laman repositori, pencapaian 2022 sebanyak 4,730 rekod mengalami penurunan 34.1%.


Peratus terbesar penurunan pendepositan bahan bermula pada tahun 2018, diikuti pada tahun 2020, 2022 dan 2019. Sedikit peningkatan yang agak kecil pada tahun 2021 tidak merangsangkan peningkatan bahan akibat kesan secara tidak langsung pandemik Covid-19 yang menular sejak awal 2020, berlarutan sehingga 2022 yang mungkin telah menjejaskan aktiviti penghasilan karya akademik secara meluas dan produktif.




Rajah 2.2.1 : Jumlah pendepositan bahan bagi tempoh 5 tahun terkini

Peratus terbesar telah didominasi oleh laman repositori *Restricted Repository* dan jenis bahan *Indexed Paper*.

Perincian data berjadual adalah merujuk kepada Jadual 2.2.2 hingga 2.2.3 di lampiran jadual.



Rajah 2.2.2 : Jumlah pendepositan bahan mengikut laman repositori




Rajah 2.2.3 : Jumlah pendepositan bahan mengikut jenis bahan

Pencapaian akitiviti pendepositan bahan yang melibatkan Unit Repositori & Dokumen Digital, Unit Pengurusan Koleksi Khas, Unit Pembangunan Galeri dan Unit Katalog & Dokumen Digital (PSZKL) merupakan aktiviti khusus kepada bahan Arkib UTM sahaja mengikut kategori bahan tertentu yang dikendalikan oleh Unit masing-masing.


Pelaporan bagi pencapaian sektor ini tidak melibatkan pencapaian dari laman repositori *Online Database & ILL* kerana bahan dari laman ini bukan dari kategori Arkib UTM.

Sepanjang tahun 2022, pencapaian yang berjaya dicapai adalah sebanyak 4,678 rekod berbanding 5,071 rekod bagi tahun 2021. Jumlah ini menunjukkan penurunan pencapaian sebanyak 7.7%. Peratus terbesar masih juga didominasi oleh laman repositori *Restricted Repository* dan jenis bahan *Indexed Paper*.

Perincian data berjadual adalah merujuk kepada Jadual 2.2.4 hingga 2.2.5 di lampiran jadual.



Rajah 2.2.4 : Jumlah pendepositan bahan mengikut laman repositori



Rajah 2.2.5 : Jumlah pendepositan bahan mengikut jenis bahan




2.3 CAPAIAN KEPADA SISTEM DMS

Pelaporan bagi capaian kepada sistem DMS merujuk kepada *visitor/access* dan *page view/hits* secara maya oleh pengguna sistem ini.

Bagi pelaporan 2022, proses penjanaaan semula data-data mulai 2020 hingga 2022 telah dilaksanakan semula bagi mendapatkan jumlah yang tepat serta proses semak dan imbang bagi kedua-dua atribut ini untuk mendapatkan data yang tepat dan betul hasil penjanaaan dari sistem DMS. Penjanaaan semula data ini hanya terhad kepada laporan bagi tempoh tiga (3) tahun sahaja kerana limitasi proses penjanaaan data oleh sistem DMS, oleh itu perbandingan pencapaian hanya dapat dibuat bagi tempoh 2020 hingga 2022 sahaja.

Untuk pencapaian tahun 2022, kedua-dua atribut *page view/hits* dan *visitors/access* mengalami penurunan, iaitu antara 11.2% hingga 13.2%.

Perincian data berjadual adalah merujuk kepada Jadual 2.3.1 di lampiran jadual.



Rajah 2.2.6 : Jumlah capaian kepada sistem DMS mengikut atribut

UTM – REPOSITORI INSTITUSI


*UTM – INSTITUTIONAL
REPOSITORY / UTM-IR*

pencapaian kumulatif
pencapaian tahun semasa
capaian kepada sistem
UTM-IR
ranking web of repositories




3.0 UTM – REPOSITORI INSTITUSI

UTM – INSTITUTIONAL REPOSITORY | UTM-IR




KUMULATIF PENDEPOSITAN BAGI TEMPOH 5 TAHUN TERKINI
Jumlah keseluruhan rekod bahan yang dideposit oleh staf PUTM antara 2018-2022 – Data Stok Perpustakaan.




PENDEPOSITAN TAHUNAN BAGI TEMPOH 5 TAHUN TERKINI
Jumlah mengikut tahun rekod bahan yang dideposit oleh staf URD mulai 2018-2022.



KUMULATIF PENDEPOSITAN BAHAN UTM-IR
Jumlah kumulatif pendepositan bahan sehingga 2022.



DOWNLOAD
Jumlah keseluruhan *download* sepanjang tahun 2022.



PAGEVIEWS
Jumlah keseluruhan *pageviews* sepanjang tahun 2022.



RANKING WEB OF REPOSITORIES
Transparent Rangking IR by Google Scholar 14th Edition (Jun 2022).


3.1 PENCAPAIAN KUMULATIF

Aktiviti menginput metadata dan fail di sistem UTM-IR merupakan cabang kedua aktiviti utama di Unit Repositori & Dokumen Digital (URD). Namun pada pertengahan tahun 2022, pengasingan aktiviti pendepositan bahan di sistem DMS dan UTM-IR telah distrukturkan semula di bawah 1 unit sahaja, iaitu URD.

Perbandingan pencapaian bagi tempoh lima (5) tahun terkini, iaitu mulai 2018 hingga 2022 menunjukkan peningkatan dengan kadar yang semakin menurun, iaitu antara 23.4% hingga 7.4% - Data Stok Perpustakaan.

Bagi aktiviti menginput rekod dan deposit fail ke sistem ini, pencapaian sasaran turut merangkumi pelaporan bagi pencapaian K.A.I Perpustakaan dan Objektif Kualiti bagi Sistem Pengurusan Kualiti.

Perincian data berjadual adalah merujuk kepada Jadual 3.1.1 di lampiran jadual.




Rajah 3.1 : Jumlah Kumulatif Pendepositan Bahan UTM-IR Bagi Tempoh 5 Tahun

3.2 PENCAPAIAN TAHUN SEMASA


Pencapaian aktiviti menginput metadata dan mendeposit fail di sistem UTM-IR bagi tahun 2022 masih kekal dengan sasaran 4,800 rekod setahun. Dengan peratus pencapaian sebanyak 100.1%, sejumlah 4,804 rekod telah berjaya dideposit ke dalam sistem ini.

Meskipun berjaya mengekalkan keupayaan untuk mencapai sasaran tahunan, namun untuk tempoh 5 tahun penyusutan jumlah pendepositan terus berlaku dengan kadar antara 45.5% - 0.4%.

Secara perbandingan, jumlah keseluruhan penerimaan senarai bahan untuk semakan bagi tujuan pendepositan adalah sebanyak 10,695 judul bahan, namun hanya 44.9% sahaja yang diterima sebagai rekod baharu. Daripada analisa ini, jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar aktiviti staf yang menguruskan pendepositan rekod tertumpu kepada semakan sahaja.



Rajah 3.2a : Jumlah Kumulatif Pendepositan Bahan UTM-IR Bagi Tempoh 5 Tahun




Rajah 3.2b : Jumlah Semakan dan Pendepositan Bahan Mengikut Jenis Bahan


Bagi data kumulatif untuk jumlah keseluruhan rekod bahan di sistem UTM-IR, proses penjaan laporan melalui sistem ini telah dilaksanakan mengikut pecahan jenis bahan yang telah dideposit. Secara keseluruhan sejumlah 69.006 rekod bahan telah berjaya dideposit untuk rujukan pengguna secara dalam talian.

Untuk tahun 2022 juga, terdapat pertambahan ID pengguna bagi sistem ini, iaitu 771 pengguna berbanding 768 bagi tahun 2021. Pecahan terbesar masih didominasi oleh kategori User.

Perincian data berjadual adalah merujuk kepada Jadual 3.2.1 – 3.2.3 di lampiran jadual.



Rajah 3.2c : Jumlah Kumulatif Pendepositan Bahan di Sistem UTM-IR




Rajah 3.2d : Pecahan Jumlah Pengguna Sistem UTM-IR

3.3 CAPAIAN KEPADA SISTEM UTM-IR

Data pencapaian bagi capaian kepada sistem UTM-IR oleh pengguna dari seluruh dunia telah dibuat proses semak dan imbang bagi memastikan pelaporan adalah merujuk kepada proses penjaan yang tepat daripada sistem *UTM Library Executive Information System (LIBEIS)*. Data menunjukkan penurunan serta peningkatan bagi aktiviti *download* dan *pageviews* yang sederhana berbanding tahun sebelumnya.

Bagi tahun 2022, kadar penurunan aktiviti *download* menurun sebanyak 10.5%, manakala *pageviews* pula mengalami peningkatan sebanyak 26.0%. Secara umumnya juga, aktiviti *download* telah mengalami penurunan sejak dari tahun 2021, manakala *pageviews* masih terus mengekalkan momentum peningkatan sejak dari tahun 2020 hingga 2022.

Perincian data berjadual adalah merujuk kepada Jadual 3.3.1 di lampiran jadual.



Rajah 3.3 : Jumlah *Download* dan *Pageviews* Sistem UTM-IR Bagi Tempoh 5 Tahun

3.4 RANKING WEB OF REPOSITORIES


Pencapaian *Ranking Web of Repositories* yang telah diindeks semula oleh Google Scholar pada Jun tahun 2018 bertujuan untuk memperlihatkan *transparent ranking* yang diperoleh dari <https://repositories.webometrics.info/>.

Institusi Repositori UTM (UTM-IR) merupakan koleksi digital hasil intelek dan juga penyelidikan Universiti. Institusi Repositori memusatkan, mengumpul, memelihara dan mematuhi konsep mengakses koleksi akses secara terbuka bahan ilmiah yang mempamerkan segala hasil penyelidikan komuniti UTM.

Perpustakaan UTM (PUTM) bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelenggara serta menyebarkan kandungan bahan melalui sistem UTM-IR di atas platform sumber terbuka Eprints.

Melalui portal *Ranking Web of Repositories* ini, data mengenai kedudukan peringkat antarabangsa dengan jumlah rekod UTM-IR yang diindeks sehingga Jun 2022 bagi edisi ke-14 telah menempatkan UTM pada kedudukan ke 343 dengan jumlah rekod sebanyak 14,800. *UTM Institutional Repositories* di peringkat global telah mengalami lonjakan 160 mata berbanding tahun pada tahun 2021 (503, 9,840 rekod).

Manakala di peringkat kebangsaan, UTM berada pada kedudukan ke-3, di belakang UiTM IR dan UPM IR.



Rajah 3.4 : Jumlah Rekod dan Kedudukan Peringkat Global serta Kedudukan 5 Terbaik Peringkat Kebangsaan.

Bagi edisi ke-15 (Februari 2023) UTM kekal pada kedudukan ke 3 diperingkat kebangsaan, serta kekal berada di belakang UiTM IR dan UPM IR. Namun di peringkat dunia, UTM-IR turun 129 mata, berada pada kedudukan ke 472 dengan jumlah rekod sebanyak 11,100.

Perincian data berjadual adalah merujuk kepada Jadual 3.4.1 & 3.4.2 di lampiran jadual.



PENGURUSAN DATA PENYELIDIKAN

*RESEARCH DATA
MANAGEMENT/
UTM-RDM*



4.0 PENGURUSAN DATA PENYELIDIKAN

RESEARCH DATA MANAGEMENT| UTM-RDM



Sehingga tahun 2022, sejumlah 40 rekod dan 59 fail telah berjaya dideposit ke dalam sistem UTM-RDM. Sistem yang menggunakan platform sumber terbuka *eprints* ini telah dibangunkan sebagai inisiatif Platform Sains Terbuka oleh Akademi Sains Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Untuk memastikan sistem UTM-RDM dilaksanakan selaras dengan inisiatif yang disarankan, proses penjajaran semula telah dilaksanakan seperti berikut :

- i. Membuat kajian asas mengenai struktur rekod bagi sistem RDM dari beberapa universiti luar - rujukan kepada sistem RDM dari *NTU Library*, Singapura yang menggunakan platform sumber terbuka *Dataverse*.
- ii. Mengikuti sesi knowledge sharing secara dalam talian berkaitan RDM bagi memahami konsep umum dan pengalaman universiti dari luar negara mengenai pengurusan RDM.
 - *Supporting Your Research Webinar Series: Springer Nature Book Publishing* oleh Springer Nature.
 - *Research Data : Why It Matters and How to Manage* oleh Elsevier.

- *Managing Research Data Series 1 - Research Data Management @ Public University : UM's Experience* oleh IIUM Youtube Channel.
 - *Managing Research Data Series 2 : Research Data Management @ Private University : Monash University Malaysia's Experience* oleh IIUM Youtube Channel.
- iii. Mengkaji struktur sistem perisian sumber terbuka eprints dan rekod sedia ada yang telah digunakan sebagai platform sistem UTM-RDM.
- Kajian terhadap struktur rekod sedia ada di dalam sistem eprints mendapati berlaku kesilapan struktur rekod bahan dimana setiap fail bagi tajuk penyelidikan yang sama diwujudkan secara berasingan dan tidak dikelompokkan di bawah satu (1 judul) penyelidikan.
 - Kewujudan setiap rekod bahan juga mengguna templat yang berbeza bagi tajuk penyelidikan yang sama dan ini merupakan faktor yang memberi kesan yang sama seperti perkara (a) di atas.
 - Hasil daripada kajian ini, penggunaan templat *Data Set* telah dikenalpasti sebagai templat paling sesuai bagi memenuhi struktur rekod bagi menginput metadata dan mendeposit pelbagai format fail berkaitan penyelidikan.
 - Setiap rekod mewakili satu (1) judul penyelidikan (*parent*), di mana semua fail yang berkaitan penyelidikan berkenaan berada di bawah rekod ini dan boleh dimuatnaik / dideposit sebagai *child*.
 - Ujian telah dilaksanakan bagi memastikan beberapa ciri yang dapat dilaksanakan apabila penggunaan tempat *Data Set* ini digunakan.

- Setiap rekod mewakili satu (1) judul penyelidikan (parent), di mana semua fail yang berkaitan penyelidikan berkenaan berada di bawah rekod ini dan boleh dimuatnaik / dideposit sebagai child.
 - Untuk setiap rekod, lebih daripada satu (1) fail boleh dimuatnaik / dideposit tanpa had jumlah fail.
 - Pengujian kepada setiap medan data yang terdapat pada templat Data Set untuk memastikan metadata yang akan diinput ke dalam sistem ini adalah tepat serta tahap ciri keselamatan data serta fail yang dibenarkan untuk akses yang boleh dibenarkan kepada pengguna sistem.
 - Pengujian terhadap beberapa format fail dan saiz fail juga turut dilakukan untuk mengenalpasti kemampuan sistem eprints sedia ada.
 - Pengujian kepada akses yang boleh dicapai berdasarkan kategori pengguna sistem eprints bagi mengenalpasti kategori pengguna yang sesuai untuk dibenarkan kepada pendeposit rekod yang terdiri daripada para penyelidik UTM.
 - Penggunaan templat *Data Set* telah dipersetujui kerana templat ini paling tepat untuk struktur rekod bahan sistem RDM yang akan digunakan.
- iv. Melaksana kajian bersama pelajar latihan industri mengenai perbandingan beberapa perisian sumber terbuka yang telah digunapakai oleh beberapa institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara untuk melihat kesesuaian serta mengkaji kelebihan serta kelemahan perisian tersebut sebagai rujukan bagi pelaksanaan sistem RDM di UTM.

- v. Melakukan semakan semula kepada senarai PTJ yang telah digunakan di dalam sistem eprints UTM-RDM bagi menyelaraskan semula senarai ini selaras dengan penstrukturan semula Fakulti di UTM berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2022 dengan kerjasama daripada Seksyen Automasi, PUTM.
- Terdapat beberapa rekod di dalam sistem UTM-RDM yang telah menggunakan nama PTJ berdasarkan struktur yang lama dan perlu dibuat tindakan untuk dikemaskini.
 - Memerlukan pemerhatian lanjut kerana struktur asal medan ini perlu diteliti bagi mengelakkan kehilangan rekod dan *data corruption* bagi setiap rekod berkenaan.
- vi. Sesi perbincangan antara Unit Repositori dan Dokumen Digital bersama Pegawai Sistem Maklumat dari Seksyen Automasi, PUTM masih diadakan dari masa ke semasa untuk memastikan sistem sedia ada berfungsi dengan baik dan ujian kemasukan data masih diteruskan hingga kini untuk mengenalpasti sebarang kelebihan dan kelemahan sistem ini.



PROJEK 2022

pkp : bekerja dari rumah
(bdr)

mycite : myjurnal

projek pelupusan mesin
pengimbas

program sangkutan &

latihan industri

program lawatan ilmiah



5.0 PROJEK 2022



5.1 PKP : BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

Sebahagian daripada aktiviti tugas staf bagi tahun 2022 masih terikat dengan BDR berikutan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang masih terpakai kepada orang awam mengikut lokaliti.

Antara 13 hingga 28 Februari 2022, staf UTM-IR dan DMS telah menjalani BDR dan kehadiran ke pejabat secara bergilir seperti yang telah dijadualkan. Sepanjang menjalani tempoh PKP, tugas staf yang terlibat dengan BDR telah diubahsuai atas faktor akses kepada capaian internet yang terhad mengikut lokasi kediaman staf, serta keupayaan staf melaksanakan tugas harian pejabat pada waktu bekerja normal berbanding bekerja dari luar pejabat semasa tempoh PKP.

Tugas mendeposit bahan UTM-IR dan DMS masih kekal dilaksanakan dengan sasaran jumlah pendepositan yang ditetapkan sebanyak 7 judul sehari, dan tugas mengurus dokumen kertas soalan sebagai persediaan proses imbasan (menanggal dawai kokot, meleraikan dokumen, mengasing dokumen mengikut tajuk, serta membersihkan kesan gam) dengan sasaran 1 ikatan setiap hari.



5.2 MYCITE : MYJURNAL

Pada tahun 2022, seramai 5 orang staf URD telah terlibat dengan projek MyCite, projek yang berkesinambungan daripada tahun terdahulu yang masih dilaksanakan secara usahasama di kalangan Pembantu Pustakawan Seksyen Repositori & Dokumen Digital (SKR).

Projek memuatnaik artikel jurnal terbitan UTM Press ini melibatkan proses menginput data rekod bibliografik. Ia juga bagi memenuhi keperluan MyJurnal, di mana maklumat yang diinput dalam MyCite adalah untuk menghasilkan laporan sitasi (*citation report*) setiap jurnal melalui sistem kendalian Pusat Sitasi dan Infometriks (PSI). Keperluan ini juga bertujuan untuk memastikan sesebuah jurnal itu diterima masuk ke dalam indeks sitasi utama dunia seperti *Asian Citation Index (ACI)*, *Scopus* dan *Web of Science*.

Penglibatan 3 orang staf UTM-IR dan 2 orang staf DMS untuk membantu projek MyCite yang diselia oleh Pustakawan Unit Koleksi Khas telah dilaksanakan mulai Februari hingga Jun 2022 merangkumi aktiviti memuat turun fail dari sumber asal, menginput metadata, mengemaskini isi kandungan fail, serta memuat naik fail dan mendeposit data ke portal MyCite.

Sejumlah 155 Judul artikel telah berjaya diselesaikan mengikut tempoh dan telah menjadi sebahagian daripada pencapaian K.A.I individu staf.



5.3 PROJEK PELUPUSAN MESIN PENGIMBAS

Selaras dengan usaha penyusunan semula susun atur ruang pejabat URD, aktiviti pelupusan mesin pengimbas yang tidak berfungsi telah dilaksanakan pada 11 dan 18 Ogos 2022 melibatkan seluruh warga kerja Unit ini.


Pelupusan dua (2) unit mesin pengimbas dokumen jenama ATIZ yang tidak mampu berfungsi ekoran masalah kehilangan perkakasan akibat kecurian beberapa tahun terdahulu serta isu perisian yang telah luput tempoh serta tidak diperbaharui.

Melalui aktiviti pelupusan ini, ruang kerja staf telah disusun semula untuk keselesaan bekerja serta mengubah susun atur ruang pejabat yang melibatkan penempatan semula mesin pengimbas, peruntukan sebahagian kecil ruang pejabat sebagai ruang solat serta penghasilan lakaran pelan lantai baharu bagi unit ini.

Aktiviti ini juga dilihat sebagai gerak kerja awal untuk pelaksanaan EKSA di unit ini yang dijadualkan akan dilaksanakan pada tahun berikutnya, di mana proses penyesuaian dan penyusunan semula telah dilakukan serentak dengan aktiviti pelupusan ini.



Kerja-kerja pengalihan workstation dan peralatan di ruang pejabat URD.



Susun atur baharu bagi mesin pengimbas, ruang solat & ruang kerja staf.

5.4 PROGRAM SANGKUTAN & LATIHAN INDUSTRI

5.4.1 PROGRAM SANGKUTAN STAF

Usaha pembangunan kompetensi staf tidak hanya terhad kepada staf dalaman sahaja, tetapi juga kepada staf dari institusi luar yang berminat untuk mendalami proses kerja yang dilaksanakan di PUTM.

Program Sangkutan (*Attachment*) merupakan salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan bagi penjawat awam yang berminat untuk mengikut latihan jangka pendek di sesebuah institusi. Justeru itu, PUTM telah menerima seorang staf pelaksana Pembantu Pustakawan Kanan (S22) dari UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.

En. Mohd. Danial Daud telah mengikut program ini mulai 1 Ogos hingga 31 Oktober 2022, dan beliau juga turut berpeluang mengikut latihan di URD berkaitan proses kerja pendepositan bahan dis sistem UTM-IR dan DMS pada 10 hingga 11 Ogos 2022.

5.4.2 LATIHAN INDUSTRI PELAJAR

Pembangunan ilmu pengetahuan di dalam bidang kepustakawan dan teknologi maklumat kepada generasi baharu tidak hanya tertumpu kepada aspek pembelajaran semata. Latihan industri yang memberi peluang kepada pelajar untuk menimba ilmu secara praktikal merupakan platform yang dapat membantu pemahaman yang lebih jitu ke arah penerapan ilmu teori agar dapat diadaptasikan ke alam pekerjaan sebenar.

Bermula 2 September 2022 hingga 31 Januari 2023, URD telah menerima kehadiran seorang pelajar latihan industri yang berpeluang menimba ilmu berkaitan pengurusan data penyelidikan. Laporan lengkap adalah merujuk kepada perkara 5.4.2.1 dan 5.4.2.2

5.4.2.1 LAWATAN PENSYARAH PELAJAR LATIHAN INDUSTRI KE URD



Dari kiri : Pn. Siti Khairiyah Nordin, Pn. Haslina Hussin dan Cik Nurul Nabila Sam Dani.

Sesi lawatan pensyarah kepada pelajar latihan industri yang menjalani latihan di Unit Repositori & Dokumen Digital (URD), Seksyen Koleksi Khas & Repositori telah diadakan pada 15 Januari 2023 di ruang pejabat URD, Aras 2, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru, Johor. Lawatan ini merupakan aktiviti rutin kepada setiap pelajar latihan industri yang mengikuti latihan di mana-mana lokasi pilihan untuk mendapat pengalaman serta peluang menimba ilmu berkaitan bidang pengajian masing-masing.

Lawatan daripada Pn. Siti Khairiyah Nordin, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, yang juga merupakan bekas pelajar latihan industri di Perpustakaan UTM telah disantuni oleh Pn. Haslina Hussin selaku penyelia kepada pelajar latihan industri di unit ini.

Sesi perbincangan yang berlangsung sekitar satu setengah jam telah berjalan lancar bagi membincangkan perkembangan topik kajian, aktiviti dan prestasi pelajar berkenaan.

Sesi perjumpaan ini juga telah membincangkan secara khusus mengenai topik kajian, iaitu *Comparison on Open Source Software Research Data Management System: A Case Study for UTM Library*, sebagai usaha untuk mendekati perkembangan terkini ilmu pengetahuan yang memberi impak penting kepada perkembangan penyelidikan di institusi pengajian tinggi.

Beliau turut memberi sokongan penuh kepada topik kajian yang dilaksanakan oleh pelajar sebagai usaha pendedahan untuk mendalami konsep pengurusan data penyelidikan dengan lebih terperinci, seiring dengan penggunaan platform sumber terbuka yang semakin mendapat perhatian dalam pembangunan sistem di sesebuah institusi pengajian tinggi.

Justeru itu, pemilihan topik kajian ini dilihat bertepatan dengan hasrat UiTM untuk memberi pendedahan serta peluang kepada para pelajar menimba ilmu dan pengalaman bekerja melalui latihan industri yang dijalani sepanjang tempoh lima bulan di institusi / organisasi terpilih.

Melalui sesi perbincangan ini juga, perkongsian maklumat mengenai perkembangan sistem pengurusan data penyelidikan (RDM) turut dikongsikan bersama sebagai inisiatif terkini dalam komponen Sains Terbuka yang menjadi perhatian di kalangan institusi pengajian tinggi masa kini.

Perkongsian menarik ini turut memberi input kepada usaha pembangunan sistem, prasarana serta kesedaran di kalangan ahli akademik terhadap pembangunan untuk menjadikan platform penyelidikan sebagai sumber perkongsian ilmu secara terbuka yang semakin meluas dan penting dalam mengembangkan bidang ilmu pengetahuan yang pelbagai secara global.

Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Perpustakaan UTM, khusus Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi yang telah sudi menerima pelajar dari UiTM Negeri Sembilan – Kampus Rembau untuk menjalani latihan industri serta menimba ilmu pengetahuan yang banyak memberi peluang kepada para pelajar untuk meningkatkan ilmu pengetahuan di dalam bidang kepustakawanan dan teknologi maklumat.



5.4.2.2 LAPORAN PENYELIAAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

Latihan Industri Pelajar peringkat Sarjana Muda di Unit Repositori & Dokumen Digital telah dimulakan pada 1 September 2022 hingga 31 Januari 2023. Sepanjang tempoh lima (5) bulan, Unit Repositori & Dokumen Digital telah menerima seorang pelajar bagi mengikuti latihan mengenai proses kerja di unit ini serta lain-lain proses kerja dari semua Seksyen di PUTM.

Berikut merupakan maklumat pelajar latihan industri yang telah mengikuti latihan di URD.

- Nama : Cik Nurul Nabila Sam Dani.
- Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian)
Pengurusan Perpustakaan,
Pusat Pengajian Sains Maklumat,
Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media.
Institusi : UiTM Negeri Sembilan – Kampus
Rembau.

Secara keseluruhan, proses pembelajaran dan latihan ini telah dibahagikan kepada lima (5) fasa penting sepanjang tempoh beliau di PUTM.

Jadual 5.4.2.2.1 : Ringkasan Skop Latihan Mengikut Fasa

FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4	FASA 5
Pengenalan kepada semua Seksyen di PUTM.	Pembelajaran & latihan proses kerja UTM-IR & DMS di URD.	Kajian awal dan penentuan projek utama latihan industri.	Kajian terperinci projek utama dan pengujian kepada demo perisian.	Penyediaan laporan kajian utama dan persembahan hasil kajian.

FASA 1	Pengenalan kepada semua Seksyen di PUTM. ➤ Pendedahan ringkas kepada proses kerja mengikut Seksyen yang dikendalikan oleh Pustakawan Unit masing-masing mulai 1 – 14 September 2022.
FASA 2	Pembelajaran & latihan proses kerja UTM-IR & DMS di URD. ➤ Pelajar menjalani latihan pendepositan bahan dan mendeposit bahan ke sistem UTM-IR dan DMS melibatkan bahan tesis, kertas soalan peperiksaan, artikel jurnal, keratan akhbar, kertas persidangan dan bab dalam buku. ➤ Pelajar mendapat tunjuk ajar daripada Pembantu Pustakawan URD secara bergilir mengikut kategori dan sistem repositori.
FASA 3	Kajian awal dan penentuan projek utama latihan industri. ➤ Sesi perbincangan awal antara Pustakawan Kanan dan pelajar bagi mengenalpasti kompetensi pelajar serta topik kajian dalam menentukan projek utama. ➤ Pelaksanaan kajian awal merangkumi rujukan serta pengumpulan maklumat daripada artikel jurnal, buku, sumber terbuka di internet serta laman web perisian sumber terbuka yang dipilih (telah dikenalpasti). ➤ Penyediaan rangka asas kajian dan draf awal penulisan sebagai garis panduan kepada penghasilan rangka kerja keseluruhan kajian.
FASA 4	Kajian terperinci projek utama dan pengujian kepada demo perisian. ➤ Menjalankan kajian di atas platform percubaan melalui demo perisian sumber terbuka yang dibuka kepada pengguna. ➤ Penyediaan draf penulisan hasil daripada kajian dan rujukan kepada sumber yang dikenalpasti.
FASA 5	Penyediaan laporan kajian utama dan persembahan hasil kajian. ➤ Pengubahsuaian tajuk kajian berdasarkan kepada hasil kajian dan penulisan yang telah dirangka. ➤ Penghasilan laporan akhir kajian. ➤ Pra persembahan sebagai usaha semak dan imbang kepada hasil kajian serta memperkemas laporan akhir. ➤ Persembahan hasil kajian kepada Pengurusan Tertinggi PUTM. ➤ Penghantaran laporan kajian kepada PSM, PUTM.

Bermula pada Fasa 3, mode pelaksanaan latihan industri di URD adalah kajian dan penghasilan penulisan mengenai perbandingan perisian sumber terbuka bagi sistem UTM-RDM yang telah dibangunkan sebagai platform percubaan.

Pelaksanaan kajian khusus oleh pelajar di URD adalah melibatkan salah satu inisiatif *Malaysian Open Science Platform (MOSP)* di bawah Akademi Sains Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) iaitu, sistem Pengurusan Data Penyelidikan (*Research Data Management @ RDM*) yang sedia ada di UTM dan sedang dalam tempoh percubaan menggunakan platform sumber terbuka *Eprints*.

Sebagai usaha pendedahan dan memperluaskan pengetahuan kepada pengurusan data penyelidikan ini, kajian terhadap salah satu komponen utama Sains Terbuka, iaitu perisian sumber terbuka telah menjadi topik pilihan untuk dikaji dengan lebih terperinci. Kajian ini telah merangkumkan perbandingan tiga (3) perisian sumber terbuka yang melibatkan *Eprints*, *Dspace* dan *Dataverse*.

Melalui tajuk kajian asal : *Comparison on Open Source Software Research Data Management System: A Case Study for UTM Library*, judul ini kemudian telah diubah berdasarkan hasil dapatan sepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan kepada, ***Comparison on Open Source Software Research Data Management System: A Case Study of Eprints, Dspace and Dataverse Platform.***

Bagi memperkasakan ilmu pengetahuan berkaitan Sains Terbuka dan pengurusan data penyelidikan, sumber rujukan tidak hanya terhad kepada pembacaan hasil penulisan ilmiah semata. Pelajar turut terlibat dengan program perkongsian ilmu melalui platform dalam talian yang dikongsikan oleh institusi pengajian tinggi tempatan di internet. Pelajar juga turut dilibatkan dalam sesi perbincangan dan taklimat bersama Pegawai Penyelidik UTM bagi memberi peluang kepada beliau untuk mengikuti sebahagian daripada peranan Pustakawan di perpustakaan akademik.

Pemantauan secara berkala juga telah dilaksanakan bagi memastikan pelajar terus dibimbing dalam kajian yang dilaksanakan bagi memastikan hasil kajian adalah menepati keperluan semasa sistem Pengurusan Data Penyelidikan ini. Perbincangan dan perkongsian ilmu juga diadakan dari masa ke semasa untuk memantapkan hasil kajian ini.

Aktiviti Fasa 3 dan 4 juga telah berjalan secara bersama dengan beberapa aktiviti sampingan yang lain sebagai sebahagian daripada pengalaman singkat menjadi warga UTM melalui aktiviti berikut :

- Kayuhan Lestari & Plogging
- CSR Sistem KOHA di Sekolah Kebangsaan Kangkar Pulai
- Sesi Read & Relax Siri 24/2022
- Aktiviti gotong-royong

Dan, pada Fasa 5 pula merupakan fasa terakhir yang sangat penting sebagai rumusan kepada hasil kajian yang telah dilaksanakan di URD. Pada fasa ini juga, proses penyediaan laporan akhir dan menilai keberhasilan kajian telah memberi impak besar kepada keseluruhan tempoh latihan pelajar di URD.

Secara ringkas, keseluruhan fasa latihan pelajar bagi kajian projek utama di URD telah ditabulasikan dalam rajah Carta Gantt seperti di Jadual 3.

Impak positif hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan oleh pelajar ini dapat dirumuskan seperti berikut :

- Membantu penerokaan dan pemahaman yang lebih terperinci kepada maklumat penting perisian sumber terbuka dalam pembangunan sistem pengurusan data penyelidikan.
- Melihat atribut penting yang ada pada setiap perisian sumber terbuka yang dikaji bagi menyokong usaha pembangunan sistem pengurusan data penyelidikan di UTM.

- Membantu proses penjajaran semula pelaksanaan sistem pengurusan data penyelidikan sedia ada bagi memenuhi keperluan sistem ini dari aspek struktur rekod, saiz dan jenis fail, ciri-ciri teknikal dan menambahbaik kelemahan sedia ada untuk penambahbaikan berterusan.

Pelajar juga telah diminta untuk menyediakan laporan akhir latihan industri di URD untuk diserahkan kepada Seksyen Pentadbiran & Korporat, PUTM.



Berdiri dari kiri : Yanti Mohd. Shah, Fahmi Moksen @ MOhd. Hussin, Narimah Nawil, Zulraizam Shamsudin, Nurul Shafika Hassan dan Widya Wahid.

Duduk dari kiri : Nurul Nabila Sam Dani dan Haslina Hussin.

5.5 PROGRAM LAWATAN ILMIAH



Bersempena dengan Bengkel KFK Pengurusan Kualiti & Risiko Perpustakaan UA 2022 yang telah diadakan pada 3 Oktober 2022 di Bilik Seminar 1, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Perpustakaan UTM, Johor Bahru, Johor, Unit Repositori & Dokumen Digital (URD), Seksyen Koleksi Khas & Repositori telah menerima kunjungan hormat melalui sesi Lawatan Ilmiah dari Pustakawan Perpustakaan Hamzah Sendut 1 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 4 Oktober 2022.

Lawatan Puan Husriati Hussain (Penolong Ketua Pustakawan), Ketua Bahagian Repositori & Penerbitan Ilmiah, Perpustakaan Hamzah Sendut 1 telah disantuni oleh Puan Haslina Hussin, Pustakawan Kanan di unit ini.

Tujuan Lawatan Ilmiah ini adalah untuk melaksana penandarasan yang berkaitan dengan pembangunan koleksi digital, proses pendigitalan, perkhidmatan yang ditawarkan dan sistem repositori yang digunakan di unit ini.

Sesi perbincangan ini turut disajikan dengan maklumat asas mengenai PUTM, SKR dan URD yang menjurus kepada penstrukturan semula Carta Organisasi Perpustakaan UTM yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2022, fungsi serta objektif aktiviti UTM-IR, DMS dan RDM di PUTM.

Melalui perkongsian ini juga, kedua-dua pihak turut berkongsi pengalaman mengenai sistem yang digunakan bagi aktiviti pendigitalan, pendepositan, akses pengguna kepada sistem sedia ada, serta sumber perolehan bahan bagi melaksanakan aktiviti pendigitalan yang lebih produktif.

Turut dibincangkan bersama adalah isu-isu semasa mengenai kekangan serta pengurusan risiko dalam usaha membangunkan koleksi digital, peralatan dan perisian serta halatuju pembangunan koleksi digital ini selaras dengan keperluan semasa dan keupayaan untuk memenuhi cabaran dunia digital di masa hadapan.

Kebersamaan perpustakaan universiti awam dalam menangani cabaran pembangunan koleksi digital dan capaian kepada sumber maklumat yang lebih berkesan turut mendapat perhatian dalam perbincangan ini sebagai usaha berterusan untuk menyajikan sumber dan akses kepada maklumat yang lebih inklusif dalam memenuhi keperluan pengguna secara menyeluruh.

Sesi Lawatan Ilmiah ini telah berakhir sekitar jam 3.40 pm turut menghasilkan beberapa perkongsian ilmu yang sangat bermanfaat untuk menjana pendapat bernas bagi membina hubungan baik di kalangan Pustakawan universiti awam, khususnya dalam pembangunan koleksi digital arkib universiti ke tahap yang lebih signifikan selaras dengan matlamat institusi pendidikan tinggi negara ke arah kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan bertaraf dunia.

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

deko raya 2022
dekorasi merdeka 2022
bengkel & taklimat
eksa



6.0 AKTIVITI SEPANJANG TAHUN



6.1 DEKO RAYA 2022

Sebahagian daripada aktiviti tugas staf bagi tahun 2022 masih terikat dengan BDR berikutan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang masih terpakai kepada orang awam mengikut lokaliti.

Antara 13 hingga 28 Februari 2022, staf UTM-IR dan DMS telah menjalani BDR dan kehadiran ke pejabat secara bergilir seperti yang telah dijadualkan. Sepanjang menjalani tempoh PKP, tugas staf yang terlibat dengan BDR telah diubahsuai atas faktor akses kepada capaian internet yang terhad mengikut lokasi kediaman staf, serta keupayaan staf melaksanakan tugas harian pejabat pada waktu bekerja normal berbanding bekerja dari luar pejabat semasa tempoh PKP.

Tugas mendeposit bahan UTM-IR dan DMS masih kekal dilaksanakan dengan sasaran jumlah pendepositan yang ditetapkan sebanyak 7 judul sehari, dan tugas mengurus dokumen kertas soalan sebagai persediaan proses imbasan (menanggal dawai kokot, melerai dokumen, mengasing dokumen mengikut tajuk, serta membersihkan kesan gam) dengan sasaran 1 ikatan setiap hari.



Sijil kemenangan dan wang tunai serta persiapan staf mendekorasi ruang pejabat URD.

Hari Raya
Aidilfitri

6.2 DEKORASI MERDEKA 2022

Usaha menyemarakkan bulan kemerdekaan yang disambut pada Ogos setiap tahun telah memberi peluang kepada staf untuk melontarkan idea dan kreativiti untuk mengenali sejarah Malaysia dengan lebih dekat lagi sambil disulami dengan usaha menghias ruang pejabat.

Penyertaan semua Unit di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah telah menceriakan sambutan Hari Kemerdekaan serta Hari Malaysia melalui penganjuran Pertandingan Dekorasi Merdeka 2022.

Dalam menjayakan program ini, staf URD telah menghias ruang pejabat dengan tema kemerdekaan serta telah menghasilkan slaid musical yang memaparkan maklumat berkaitan sejarah Hari Kemerdekaan, gubahan lagu Negaraku, pemilihan bunga kebangsaan, asal-usul Jalur Gemilang dan banyak lagi maklumat yang padat dengan sejarah kemerdekaan negara.

